

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Bandar Enstek gabung reka bentuk, pengaruh Itali

05. Jun 2008

Berita Harian

Ekonomi

217920

2083000


Language MALAY

Page No 22

Article Size 335 cm2

Frequency Daily

Color Full Color



REKA BENTUK BERSENI: Bandar Enstek bakal menarik minat pembeli yang gemarkan cita rasa Itali bagi kediaman dan premis perniagaan mereka.

Bandar Enstek gabung reka bentuk, pengaruh Itali

TH Properties Sdn Bhd memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Villa Muhandis Internationale Sdn Bhd (VMI) bagi menggabungkan seni reka bentuk dan pengaruh Itali dalam projek Bandar Enstek.

Ketua Eksekutifnya, Zaharuddin Saidon, berkata MoU itu juga merangkumi promosi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam seni reka projek hartanah di Bandar Enstek.

Katanya, MoU itu turut menggalakkan pertukaran maklumat bagi kepentingan perniagaan bersama serta peluang antara kedua-dua syarikat.

"Komponen penting MoU itu ialah penubuhan pusat perniagaan seni reka oleh VMI serta cadangan penubuhan Institut Seni Reka Malaysia Itali di Bandar Enstek," katanya kepada pemberita selepas majlis MoU itu di Kuala Lumpur, semalam.

Zaharuddin berkata, pusat perniagaan itu akan menjadi platform bagi membantu membangun dan mengkomersialkan seni reka Malaysia untuk pasaran tempatan dan antarabangsa selain mempromosi-

“Komponen penting MoU itu ialah penubuhan pusat perniagaan seni reka oleh VMI serta cadangan penubuhan Institut Seni Reka Malaysia Itali”

Zaharuddin Saidon
Ketua Eksekutif TH Properties

kan kerjasama dengan pusat penyelidikan perumahan, terutama universiti.

"Perbincangan awal sudah dijalankan bersama Pusat Penyelidikan Perumahan Universiti Putra Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia," katanya sambil menambah antara bidang utama penyelidikan ialah mengenai sistem pembangunan industri yang akan membantu meningkatkan kualiti dan keselamatan di tapak pembinaan serta mengurangkan kos pembinaan.

VMI kini terbabit dalam perniagaan seni reka industri dengan usaha sama institusi antarabangsa di seluruh dunia.

TH Properties, anak syarikat milik penuh Lembaga Tabung Haji, kini membangunkan Bandar Enstek, sebuah bandar bersepadu bernilai RM9.2 bilion di Nilai, Negeri Sembilan. - Bernama